

KESILAPAN SEBUTAN BAHASA ARAB DALAM KALANGAN BUKAN PENUTUR JATI

* Ahmad Zulfadhli Nokman, Azman Che Mat*, Ahmad Fakrulazizi Abu Bakar, Nor Shaifura Musilehat, Ahmad Nazuki@Marzuki Yaakub

Akademi Pengajian Bahasa,
Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Terengganu

*Email penulis: azman531@tganu.uitm.edu.my

Submission date: 15 December 2016 Accepted date: 29 March 2017 Published date: 15 May 2017

Abstract

Speaking and listening skills are important in language learning. Therefore, these skills should be mastered so that communication goals can be achieved. One of the most essential aspects of the skills is language pronunciation. Generally, each language has its own unique pronunciation. In fact, the pronunciation is clearly distinguished between all languages including the Arabic language. The Arabic language has a few differences of pronunciations compared to the Malay language. Hence, this study aimed to identify mistakes and errors in the Arabic pronunciations among Malay speakers. This study used a qualitative approach for the purpose of collecting, analyzing and evaluating data. Two participants have been selected to get the data of the Arabic pronunciations from, through a reading test. Then, the data was analyzed based on the checklist instruments, which refer to a theory of Abdul Qadir Leong's teaching. The findings revealed that there are errors in the Arabic language pronunciations by the Malay speakers as a result of the influence of the first language. A more thorough study should be conducted to get more precise and in-depth results in the future.

Abstrak


Kemahiran pertuturan merupakan salah satu kemahiran penting dalam pembelajaran bahasa. Hal ini kerana bahasa merupakan alat komunikasi untuk menyampaikan sesuatu maksud kepada orang lain. Oleh sebab itu, kemahiran ini mesti dikuasai dengan sebaiknya supaya maksud yang ingin disampaikan mencapai matlamatnya. Salah satu aspek yang penting dalam kemahiran ini ialah sebutan perkataan bagi sesuatu bahasa. Secara umumnya, setiap bahasa mempunyai keunikan sebutan yang tersendiri. Malah, aspek sebutan inilah yang paling jelas membezakan antara satu bahasa dengan bahasa yang lain termasuk bahasa Arab. Bahasa Arab mempunyai beberapa sebutan yang berbeza dengan bahasa Melayu. Jadi, kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti kesilapan dalam sebutan bahasa Arab dalam kalangan penutur bahasa Melayu. Metodologi yang digunakan ialah pendekatan kualitatif untuk tujuan mengumpul, menganalisis dan menilai data yang diperolehi. Dua orang peserta kajian telah dipilih untuk mencapai maksud tersebut dengan mengadakan ujian sebutan berasaskan instrumen senarai semak yang berpandukan teori pengajaran ilmu Tajwid Abdul Qadir Leong Al-Azhari. Dapatan kajian menunjukkan memang wujud kesilapan pada sebutan bahasa Arab akibat daripada pengaruh bahasa pertama bagi sebutan tertentu. Kajian yang lebih menyeluruh perlu dijalankan untuk mendapatkan gambaran yang lebih persis dan jitu pada masa akan datang.

Kata kunci: *sebutan; Bahasa Arab; kesilapan*

1.0 PENDAHULUAN

Pembelajaran bahasa asing di pusat pengajian tinggi dikategorikan sebagai nilai tambah bagi seorang graduan. Penawaran bahasa Arab sebagai subjek bahasa asing di Malaysia semakin meluas di sekolah dan universiti terutamanya kepada pelajar Melayu. Mereka mempelajari bahasa Arab dengan motivasi tertentu dan ada juga yang belajar sekadar untuk mendapatkan kelulusan bagi memenuhi syarat bergraduasi (Mainizar, 2011). Akibatnya, mereka tidak mampu untuk menguasai bahasa Arab dengan sebaiknya terutamanya dalam kemahiran pertuturan.

Namun begitu, masalah motivasi ini adalah sebahagian daripada cabaran dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa. Meskipun begitu, pada kebiasaannya pelajar yang bermotivasi tinggi akan lebih berkeyakinan untuk bertutur dalam Bahasa Arab kerana mereka akan dapat menangani sebarang masalah sewaktu bertutur dengan pelbagai cara yang tersendiri (Sopian, 2016). Pengajar bahasa juga perlu mencari penyelesaian agar motivasi pelajar dapat ditingkatkan, khususnya dengan mencari penyelesaian kepada masalah-masalah yang dihadapi. Pengajaran bahasa bertujuan untuk mencapai kemahiran-kemahiran tertentu, iaitu kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Rajah 1 di bawah menerangkan kedudukan kemahiran-kemahiran yang dimaksudkan:



Rajah 1 Kemahiran bahasa

Makalah ini memberi perhatian kepada salah satu kemahiran sahaja, iaitu kemahiran lisan. Hal ini berasaskan kepada fokus fonetik yang menjadi prasyarat kepada kemahiran lisan.

2.0 LATAR BELAKANG KAJIAN

Komponen kemahiran bahasa yang terpenting untuk dikuasai oleh pelajar bahasa asing ialah kemahiran pertuturan. Kemahiran pertuturan bahasa Arab di Malaysia telah banyak dilakukan kajian yang berkaitan. Ia meliputi peringkat pendidikan rendah sehinggalah ke pendidikan tinggi. Kajian ini ingin menyatakan bahawa latar belakang pelajar yang berbeza ada menyumbang kepada kemahiran ini, khususnya pengaruh bahasa pertama atau bahasa pertuturan harian pelajar. Hal ini kerana penggunaan organ pertuturan sesuatu bahasa adalah berbeza untuk menghasilkan bunyi.

Menurut Abdul Jabar (2004), gangguan bahasa adalah produk pemindahan bahasa, iaitu bahasa pertama mempengaruhi pemerolehan bahasa kedua. Menurut beliau lagi ada dua kemungkinan kesan daripada pemindahan ini, iaitu pengaruh positif dan pengaruh negatif. Pengaruh positif diperolehi apabila pelajar memanfaatkan pengetahuan sistem bahasa pertama yang sama dengan sistem bahasa kedua. Sebaliknya yang berlaku apabila pelajar menggunakan sistem bahasa pertama yang tidak mempunyai persamaan dengan sistem bahasa kedua.

2.1 Permasalahan Kajian

Kepentingan mempelajari bahasa Arab terutamanya dalam kalangan orang dewasa mula mendapat perhatian. Mutakhir ini keghairahan untuk belajar bahasa Arab dalam segenap lapisan masyarakat Islam sangat meningkat termasuklah golongan warga emas (Yahya et al., 2016). Mereka mempelajari bahasa Arab untuk pelbagai tujuan. Namun begitu, kepayahan untuk menyebut perkataan Arab dengan betul yang boleh membawa kepada perubahan makna perkataan tersebut telah menyukarkan mereka untuk menguasai bahasa itu. Oleh itu adakah benar dialek setempat yang biasa digunakan oleh pelajar menjadi penyebab kepada kesukaran untuk menyebut huruf atau kosa kata tertentu dalam bahasa Arab? Bagi membuktikan andaian ini, satu kajian perlu dijalankan untuk mendapat gambaran awal situasi pembelajaran bahasa Arab terutamanya dalam aspek sebutannya serta kesilapan sebutan yang dilakukan oleh pelajar bahasa Arab.

2.2 Persoalan Kajian

Terdapat satu persoalan sahaja yang dapat diajukan dalam kajian ini iaitu:

- i) Apakah bentuk kesilapan sebutan bahasa Arab yang dihadapi oleh dua orang pelajar yang belajar bahasa Arab?

2.3 Objektif

Tujuan utama kajian ini dijalankan adalah untuk:

- i) mengenalpasti kesilapan sebutan bahasa Arab yang dihadapi oleh dua orang pelajar yang belajar bahasa Arab.

2.4 Kepentingan Kajian

Kajian ini penting untuk menyediakan maklumat yang berguna untuk membantu golongan yang sukar menyebut perkataan bahasa Arab dengan sebutan yang betul dan tepat. Dari aspek strategi pembelajaran pula ialah supaya pelajar dapat menumpukan perhatian yang lebih kepada masalah sebutan mereka sekali gus mempraktikkannya secara berkesan.

3.0 TINJAUAN LITERATUR

Kajian lepas menunjukkan bahawa bahasa ibunda atau bahasa pertama bagi seseorang itu mempengaruhi pemerolehan bahasa kedua yang menjurus kepada berlakunya kesilapan dalam sebutan bahasa kedua. Aladin (2012) menyatakan bahawa sebab-sebab yang mendorong kepada kelemahan kemahiran lisan pelajar bahasa Arab ialah adalah kerana mereka seringkali tidak dapat mengujarkan satu-satu perkataan atau membuat ayat dengan betul dan gramatis seperti apa yang mereka ingin maksudkan kepada pendengar. Hal ini disebabkan oleh terdapat perbezaan penggunaan organ sebutan di antara bahasa Arab dengan bahasa Melayu (Abd Ghani & Rahimi, 2000). Tambahan pula, bahasa Melayu mempunyai pelbagai dialek mengikut negeri masing-masing. Ini menambahkan lagi kesusahan untuk belajar sebutan Arab memandangkan dialek-dialek bahasa Melayu di Malaysia mempunyai sifat-sifatnya yang tersendiri.

Dalam konteks pembelajaran bahasa Arab juga, masalah kesilapan sebutan huruf dalam pembelajaran bahasa Arab dalam kalangan pelajar Melayu adalah perkara biasa (Kamarulzaman Abd. Ghani & Nik Mohd Rahimi, 2000). Perkara ini berlaku kerana terdapat perbezaan konsonan antara bahasa Melayu dan bahasa Arab. Mereka menjelaskan dengan terperinci perbezaan-perbezaan itu. Terdapat perbezaan antara bahasa Melayu dan bahasa Arab dari aspek sifat huruf. Pengaruh bahasa ibunda atau pertama dalam sebutan bahasa Arab adalah antara faktor yang mempengaruhi sebutan bahasa Arab. Hal ini adalah kerana penguasaan kemahiran sebutan melibatkan faktor fisiologi, iaitu organ sebutan dipengaruhi oleh bahasa pertama yang diujarkan sejak kecil lagi (Rahimi et al., 2010a).

Antara bentuk kesilapan yang sering dilakukan oleh pelajar Melayu dalam menyebut perkataan bahasa Arab ialah kesilapan dari segi makhraj huruf iaitu tempat keluar sesuatu bunyi bagi huruf tertentu (Hassan & Zailaini, 2015). Selain itu, sebutan tebal dan tipis juga menjadi satu aspek kesilapan yang selalu berlaku kepada pelajar Melayu dalam menyebut perkataan Arab. Situasi ini turut disokong oleh Abd. Ghani & Rahimi (2000). Oleh sebab itu, sebutan bahasa Arab yang betul ialah sebutan yang menepati makhraj huruf, sifat-sifat huruf, tebal dan tipis dan juga panjang dan pendek sebutannya (Ahmad, et al., 2008).

Dalam kajian mengenai tahap penguasaan sebutan konsonan Arab dalam kalangan murid sekolah, dicadangkan agar huruf-huruf konsonan Arab yang mudah diperkenalkan dahulu kepada pelajar sebelum diperkenalkan huruf-huruf yang susah disebut (Rahimi et al., 2010b). Perkara ini menunjukkan bahawa huruf-huruf konsonan Arab memang perlu dipelajari dengan sebaiknya. Namun begitu, bagi pelajar di peringkat universiti yang baru mempelajari bahasa kedua, kemampuannya tidak sama seperti kanak-kanak yang lebih mudah mempelajari bahasa kedua.

Kesannya, bahasa kedua yang dipelajari itu banyak terpengaruh dengan bahasa pertama mereka terutamanya dalam sebutan huruf atau perkataan yang mendorong kepada kesilapan dalam sebutan. Mengenai hal ini, Mat & Yaakob (2010) telah mendapati pelajar yang mempelajari bahasa Arab dapat mengingat perkataan yang dipelajari dengan menyalin atau menulisnya dengan kaedah transliterasi. Pelajar juga percaya bahawa kaedah transliterasi membantu mereka dalam kemahiran pertuturan. Oleh yang sedemikian, penggunaan transliterasi boleh dijadikan sebagai satu strategi untuk membantu pelajar dewasa menguasai sebutan bahasa Arab.

Dalam makalah ini, wajar disebut juga bahawa pembelajaran selain bahasa Arab juga menghadapi masalah yang sama. Ahmad (1988) ada menyenaraikan beberapa kesilapan sebutan kosa kata bahasa Melayu dalam kalangan pelajar sekolah rendah yang disebabkan oleh pengaruh bahasa pertama. Contohnya ialah perkataan “besar” di eja menjadi “busar”. Hal ini berlaku disebabkan oleh pengaruh bahasa ibunda terhadap bahasa Melayu.

Money (1996) dalam kutipannya mencatatkan bahawa Ringbow telah menjalankan kajian ke atas sekumpulan murid yang berbangsa Swedish tentang pengaruh bahasa pertama mereka, iaitu bahasa Sweden ke atas pembelajaran bahasa kedua, iaitu bahasa Inggeris. Hasilnya beliau mendapati ada berlaku pemindahan bahasa pertama dalam bahasa kedua bagi murid-murid itu sekali gus berlaku kesilapan dalam sebutan mereka.

Kesimpulannya, kesilapan sebutan bahasa kedua yang disebabkan oleh pengaruh bahasa pertama memang wujud dalam kalangan pelajar yang mempelajari bahasa kedua. Namun, yang membezakannya antara satu sama lain ialah tahap penguasaan mereka terhadap bahasa yang dipelajari itu.

4.0 METODOLOGY

Kajian ini dilaksanakan secara kualitatif. Ia menggunakan kaedah pemerhatian ke atas dua orang pelajar universiti. Kedua-dua pelajar itu berasal dari pantai timur tetapi berlainan latar belakang tentang pembelajaran bahasa kedua, iaitu bahasa Arab. Pemilihan peserta dari lokasi pantai timur adalah munasabah dengan andaian kebanyakan mereka kurang terdedah dengan pertuturan bahasa Arab secara langsung berbanding dengan pantai barat seperti Kuala Lumpur Melaka, Penang, dan Johor kerana lokasi ini menjadi tumpuan pelancong Arab. Menurut kajian yang dilakukan oleh Ibrahim et al. (2009), pelancong Arab memilih Kuala Lumpur dan bandar-bandar utama di Malaysia sebagai lokasi tumpuan untuk bercuti dan seumpamanya.

Pelajar pertama memiliki pengalaman belajar bahasa Arab bermula daripada peringkat matrikulasi dan telah menghabiskan pembelajaran bahasa Arab di tahap dua, iaitu selama dua semester. Manakala pelajar kedua pula memiliki pengalaman belajar bahasa Arab sejak sekolah menengah lagi sehinggalah di peringkat universiti. Masing-masing sedang belajar di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

Pemerhatian ke atas pembacaan teks Arab yang telah diberikan kepada dua orang responden tersebut telah dirakam dan diberi kod. Teks Arab itu telah dipilih mengikut ciri-ciri tertentu, iaitu teks atau petikan yang mengandungi perkataan Arab yang telah dipinjam oleh bahasa Melayu dan diguna pakai sebagai bahasa Melayu.

Sebagai garis panduan, buku 'Tajwid Al-Qur'an Rasm 'Uthmani' yang dikarang oleh Abdul Qadir Leong Al-Azhari dijadikan sebagai rujukan bagi membentuk satu instrumen senarai semak tempat keluar bunyi sesuatu huruf (makhraj huruf) yang akan menentukan kesahihan sebutan dua orang pelajar yang terlibat. Penjelasan secara fonetik pula menggunakan buku "Bunyi Bahasa" oleh Nasution (2015).

5.0 DAPATAN KAJIAN

Berdasarkan rakaman pembacaan lantang daripada responden pertama dan kedua, hasil kajian menunjukkan bahawa kedua-dua peserta kajian melakukan kesilapan sebutan pada huruf-huruf bahasa Arab. Namun peserta pertama lebih banyak melakukan kesilapan berbanding dengan peserta kedua. Jadual 1 dan jadual 2 di atas menjelaskan huruf-huruf yang berlaku kesilapan sebutan.

Jadual 1 Responden pertama

Bunyi Sebenar	Bunyi Responden
ح	هـ
ق	ك
ص	س
ع	أء
ذ	ز
ض	د

Jadual 2 Responden kedua

Bunyi Sebenar	Bunyi Responden
ح	هـ
ق	ك
ذ	ز

Kesilapan pertama ialah perkataan yang mengandungi huruf “ح” disebut dengan huruf “هـ”. Dalam sebutan Arab "ح" adalah pharyngal/ geseran dan tidak bersuara sedangkan huruf "هـ" adalah glottal/geseran dan tidak bersuara. Dengan kata lain, huruf “ح” dikeluarkan bunyinya melalui tengah kerongkong, manakala “هـ” dikeluarkan bunyinya melalui pangkal kerongkong (Leong, 2003). Menurut Abdul Jabar (2004), huruf “ح” mempunyai bunyi yang hampir sama dengan bunyi ‘h’ dalam bahasa Melayu. Manakala huruf “ق” yang mempunyai ciri dorsovelar/geseran dan bersuara disebut dengan huruf “ك” yang sedikit berbeza, iaitu dorsovelar/geseran dan tidak bersuara. Hal ini kerana bahasa Melayu mempunyai bunyi huruf “k” yang sama dengan huruf “ك” dalam bahasa Arab. Maka huruf terhampir dengan “ق” bahasa Arab ialah “q” dalam bahasa Melayu dengan sedikit penyesuaian daerah sebutan iaitu di pangkal lidah. Huruf “ص” disebut dengan huruf “س” sedangkan kedua-duanya berbeza, iaitu apikoalveolar/geseran dan bersuara untuk (ص) dan apikoalveolar/geseran dan tidak bersuara bagi (س). Seperti juga bunyi huruf “ق” bahasa Arab, bunyi yang hampir dengan huruf “ص” ialah “s” bahasa Melayu, tetapi sebenarnya ia setara dengan huruf “س” bahasa Arab. Oleh itu pelajar Melayu lebih cenderung untuk menyebut huruf “ص” dengan huruf “س”. Walaupun makhras huruf kedua-dua huruf tersebut sama, iaitu hujung lidah, namun yang membezakannya ialah tekanan udara pada makhrasnya sama ada kuat atau lemah.

Huruf “ع” yang mempunyai ciri pharyngal/geseran dan bersuara disebut dengan huruf “ء /أ” yang mempunyai ciri-ciri glottal/letupan dan bersuara. Bunyi “ء\” boleh diperbetulkan supaya berbunyi “ع” apabila bahagian tengah kerongkong atau halkum dirapatkan untuk membuat sempitan pada aliran udara. Pita suara berada dalam keadaan tertutup, manakala langit lembut dan anak tekak dirapatkan pada dinding tekak untuk menghalang udara keluar melalui rongga hidung. Udara dari paru-paru keluar secara menggeser melalui sempitan pada tengah kerongkong dengan menggetarkan pita suara bagi menghasilkan bunyi geseran kerongkong tidak bersuara (Leong, 2003; Abdul Jabar, 2004).

Huruf “ذ” yang diklasifikasikan sebagai apikointerdental/geseran dan bersuara disebut dengan sebutan huruf “ز” yang mempunyai ciri-ciri apikoalveolar/geseran dan bersuara. Kedua-dua bunyi huruf ini hampir dengan huruf “z” cuma ada perbezaan pada huruf “ذ” iaitu cara sebutan ialah hujung lidah mesti bersentuh dengan hujung gigi hadapan (Leong, 2003). Huruf “ض” yang mempunyai ciri-ciri yang paling istimewa iaitu apikodental/geseran/bersuara/sampingan dan tebal. Namun responden telah menyebut dengan sebutan huruf “ذ” yang mempunyai ciri-ciri apikodental/letupan dan bersuara. Menurut Abdul Jabar (2004) cara sebutan huruf “ض” ialah dengan hujung lidah dirapatkan pada gusi untuk membuat sekatan penuh pada aliran udara. Huruf yang hampir sepadan dalam bahasa Melayu ialah “d”. Namun huruf “d” adalah sama dengan sebutan huruf “د” dalam bahasa Arab.

Bagi perkataan bahasa Arab yang telah diguna pakai sepenuhnya dalam bahasa Melayu, responden pertama telah terpengaruh dengan sebutan bahasa Melayu bagi beberapa perkataan itu. Antaranya perkataan “solat” dan “aurat”. Responden ini menyebut dengan sebutan Melayu semasa membaca teks Arab yang diberikan.

Responden kedua pula didapati menyebut perkataan Arab dengan lebih baik. Hal ini disebabkan oleh pengalamannya yang lebih lama dalam pembelajaran bahasa Arab. Namun begitu, ada juga kesilapan sebutan yang dilakukan oleh responden ini. Antara kesilapan sebutannya itu ialah huruf “ح” disebut dengan huruf “هـ”. Manakala huruf “ق” disebut dengan huruf “ك”. Huruf “ذ” disebut dengan sebutan huruf “ز”.

Hasil kajian mendapati kedua-dua responden tersebut masih lagi mempunyai kesukaran dalam menyebut beberapa perkataan Arab kerana huruf-huruf tertentu bahasa Arab yang tiada dalam sebutan bahasa Melayu. Namun masalah ini dijangkakan didorong oleh pengaruh bahasa ibunda jika dilihat daripada hasil dapatan di atas.

6.0 KESIMPULAN

Secara keseluruhan, masih ada kesilapan sebutan bahasa Arab dalam kalangan pelajar yang mempelajari bahasa Arab khususnya bagi mereka yang berkomunikasi dengan hanya menggunakan bahasa Melayu. Kajian ini juga selari dengan dapatan kajian yang dijalankan oleh Rahimi et al. (2010b) yang mendapati tahap kemahiran sebutan pelajar prasekolah adalah sederhana fasih untuk huruf konsonan bahasa Arab. Namun bagi pelajar prasekolah, mereka masih mempunyai masa untuk memperbaiki kemahiran sebutan bahasa Arab mereka.

Berbeza dengan pelajar dewasa, kesilapan sebutan disebabkan oleh kerana anggota percakapan mereka, iaitu lidah sudah sehati dengan sebutan bahasa tersebut. Malah, pembelajaran bahasa Arab bertambah sukar apabila meningkat dewasa disebabkan oleh kesebatian anggota percakapan dengan bahasa pertama tersebut (dalam kes responden pertama). Oleh itu, mereka yang ingin menguasai bahasa Arab terutamanya dalam kemahiran lisan mestilah menumpukan sepenuh perhatian terhadap sebutan-sebutan yang kerap kali tersilap disebabkan oleh terpengaruh dengan dialek mereka dan berusaha mengasingkannya daripada sebutan konsonan atau perkataan Arab.

Kajian lanjutan wajar dilaksanakan dengan mengambil kira aspek peserta kajian yang terlibat dan juga kaedah penyelidikan yang lebih terperinci. Adalah dicadangkan gabungan dua pendekatan digunakan, iaitu kualitatif dengan jumlah peserta yang lebih besar dengan demografi yang bervariasi. Pendekatan kuantitatif juga boleh dilaksanakan dengan mengadakan soal selidik ‘penilaian sendiri’ mengenai kemampuan dan kepercayaan responden terhadap kesilapan sebutan bahasa Arab yang disebabkan oleh pengaruh bahasa ibunda/dialek semasa mempelajari bahasa Arab, khususnya untuk kemahiran lisan.

Penghargaan

Jutaan Terima kasih diucapkan kepada UiTM atas kepercayaan dan dana yang diberikan untuk penyelidikan ini di bawah geran bernombor: 600-IRMI/DANA 5/3ARAS (0015/2016)

Rujukan

- Abd. Ghani, K. & Rahimi, N. M. (2000). Pengaruh bahasa Melayu ke atas sebutan bahasa Arab dan kemahiran tilawah al-Quran. *Jurnal Sari*, 18, 67-79.
- Abdul Jabar, M. A. (2004). Gangguan bunyi Melayu dalam sebutan Arab: Satu analisis ringkas. *Pertanika Journal of Social Sciences & Humanities*, 12(2), 101-110.

- Ahmad, K. S., Ahmad, M., Muflih, A. Q., Muhammad, A. A. M. S., Muhammad K. A., Muhammad, 'I. M. A., Abdul, R., A. R. A. G., Ali, Muhammad, A., J., Ma'mun, U. A. S. (2008). *Al-Munir fi Alkam al-Tajwid*. Amman: Al-Markaziyyah. Majma' Al-Muhafazah 'ala al-Quran al-Karim.
- Ahmad, A. H. (1988). *Pengaruh bahasa sungai dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Malaysia baku*. Penulisan Ilmiah Bachelor Pendidikan (PBMP), Universiti Pertanian Malaysia, Serdang.
- Aladdin, A. (2012). Analisis penggunaan strategi komunikasi dalam komunikasi lisan Bahasa Arab. *GEMAOnline® Journal of Language Studies*. 12(2), 645-666.
- Hassan, S. S dan Zailaini, M. A. (2015). Bentuk-bentuk kesalahan bacaan Al-Quran pelajar di sebuah IPTA. *The Online Journal of Islamic Education*, 3(2). 1-9.
- Ibrahim, Z., Zahari, M. S., Sulaiman, M., Othman, Z., & Jusoff, K. (2009). Travelling pattern and preferences of the Arab tourists in Malaysian hotels. *International Journal of Business and Management*, 4(7), 3.
- Leong, A.Q. (2003). *Tajwid Al-Qur'an Rasm`Uthmani*. Pustaka Salam Sdn. Bhd. Kuala Lumpur.
- Mainizar, N. (2011). Korelasi motivasi belajar Bahasa Arab dengan minat berkomunikasi dalam Bahasa Arab pada mahasiswa jurusan pendidikan Bahasa Arab Fakultas Tarbiyah dan Keguruan Universitas Islam Negeri Sultan Syarif Kasim Riau. *Jurnal Sosial Budaya*, 8(01), 97-113
- Mat, A. C & Yaakob, A. N. M. (2010). Kegunaan transliterasi dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 10(2), 19-35.
- Money, S. (1996). *Pengaruh bahasa ibunda dalam proses pembelajaran Bahasa Melayu murid-murid India*. Sarjana Sains. Jabatan Pengajian Melayu.
- Nasution, A. S. A. (2015). *Bunyi bahasa*. Jakarta: Penerbit Amzah.
- Rahimi, N. M., Baharudin, H., & Mahamod, Z. (2010b). Tahap sebutan huruf konsonan Arab dalam kalangan murid prasekolah. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 35(1), 41-46.
- Rahimi, N. M, Baharudin, H., Yusri, A. B. G., Mat Teh, K. S., & Embi, M. A. (2010a). Pembelajaran konsonan Arab mengikut pelat Bahasa Melayu. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 10(3), 1-14.
- Sopian, A. (2016). Tahap pertuturan Bahasa Arab dalam kalangan pelajar yang mengambil kursus Bahasa Arab di UiTM Melaka. *Kertas kerja dibentangkan di International Conference on Arabic Studies and Islamic Civilization ICASIC2016*, 254-267.
- Yahya, N. Z., Mezah, C. R., Mustapha, N. F., & Othman M. S., (2016). Kerangka pembinaan modul pembelajaran asas Bahasa Arab untuk pelajar warga emas. *Kertas kerja dibentangkan di International Conference on Arabic Studies and Islamic Civilization ICASIC2016*, 361-370.

Lampiran

أما حكم زيارة النساء للقبور فقد اختلف العلماء فيه فمنهم من كرهها ومنهم من أباحها إذا لم تشتمل على محذور. ومنهم من حرّمها بشروط الصلاة : النية، ورفع الحدث (بالوضوء أو الغسل للحدث الأكبر)، وإزالة النجاسة عن البدن والثوب والمُصَلِّي، وستر العورة بما لا يصف البشرة (وحدّها السرة إلى الركبة للرجل والأمة، والحرّة كلها عورة إلا وجهها في الصلاة، أما إذا كانت بحضرة رجال أجنب فكلها عورة حتّى وجهها)، ودخول الوقت، واستقبال القبلة إلا لمن كان متنقلا على راحلته أو سيارته فإنه يصلّي حيث توجّهت به.

Nota: Tulisan yang bergaris menunjukkan kesalahan kedua-dua responden.

أما حكم زيارة النساء للقبور فقد اختلف العلماء فيه فمنهم من كرهها ومنهم من أباحها إذا لم تشتمل على محذور. ومنهم من حرّمها. شروط الصلاة : النية، ورفع الحدث (بالوضوء أو الغسل للحدث الأكبر)، وإزالة النجاسة عن البدن والثوب والمُصَلِّي، وستر العورة بما لا يصف البشرة (وحدّها السرة إلى الركبة للرجل والأمة، والحرّة كلها عورة إلا وجهها في الصلاة، أما إذا كانت بحضرة رجال أجنب فكلها عورة حتّى وجهها)، ودخول الوقت، واستقبال القبلة إلا لمن كان متنقلا على راحلته أو سيارته فإنه يصلّي حيث توجّهت به.

Responden Pertama [1]

أما حكم زيارة النساء للقبور فقد اختلف العلماء فيه فمنهم من كرهها ومنهم من أباحها إذا لم تشتمل على محذور. ومنهم من حرّمها. شروط الصلاة : النية، ورفع الحدث (بالوضوء أو الغسل للحدث الأكبر)، وإزالة النجاسة عن البدن والثوب والمُصَلِّي، وستر العورة بما لا يصف البشرة (وحدّها السرة إلى الركبة للرجل والأمة، والحرّة كلها عورة إلا وجهها في الصلاة، أما إذا كانت بحضرة رجال أجنب فكلها عورة حتّى وجهها)، ودخول الوقت، واستقبال القبلة إلا لمن كان متنقلا على راحلته أو سيارته فإنه يصلّي حيث توجّهت به.

Responden Kedua [2]